

Islam masuk ke Thailand melalui pedagang Cina



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Di utara Thailand ada sekitar 50,000 ribu umat Islam daripada pelbagai kumpulan etnik. Daripada jumlah itu, seramai 15,000 hingga 20,000 Muslim datang dari Yunnan, China.

Islam diperkenalkan di China pada Dinasti Tang iaitu sejak 652 Masihi atau selepas 22 tahun kewafatan Nabi Muhammad SAW.

Cina Muslim di utara Thailand adalah mereka yang berketurunan Hui di China. Kebanyakan Hui berasal dari Wilayah Yunnan.

Pada penghujung abad ke-19, sejumlah besar Hui bermigrasi ke Myanmar

yang dikenali sebagai Muslim Panthay.

Apabila Hui dan Panthay berpindah dan menetap di utara Thailand sejak awal 1900-an, mereka dikenali sebagai 'Haw' atau 'Ho'.

Sehingga kini, masyarakat Cina Muslim berasal dari Yunnan dan menetap di utara Thailand menggunakan 'Haw' yang merujuk mereka berasal dari China.

Kumpulan pedagang Muslim Yunnan bergerak masuk sehingga ke Tibet melalui Assam, Burma, Thailand dan Laos sejak abad ke-18 lagi.

Barangan yang dibawa ke selatan termasuk pakaian, buah-buahan, kekacang, permaidani dan garam. Kumpulan pedagang sama akan kembali ke Yunnan

dengan membawa kapas mentah, batu permata dan bijirin.

Menjelang akhir abad ke-19, ada dua laluan utama kumpulan pedagang Yunnan iaitu melalui Simoa di Selatan Yunnan dan utara Thailand iaitu melintasi wilayah Myanmar dan Laos.

Hasil jaringan perdagangan itu secara tidak langsung wujud perkampungan Yunnan Muslim di utara Thailand dikenali sebagai Ban Haw (Kampung Haw) di daerah Wiang Phing, Chiang Mai.

Menurut Ketua Jabatan Pengajian Keamanan Universiti Payap, Chiang Mai, Dr Suchart Setthamalinee, kumpulan pertama migrasi Yunnan Muslim diketuai

seorang Hui Muslim iaitu Zheng Chong-Ling yang mula membina penempatan di daerah Wiang Ping.

Sebuah rumah dibina sebagai tempat meletak barang dagangan mereka. Hasil kepakaran dalam bidang keusahawanan, Yunnan Muslim dari Chiang Mai dan Chiang Rai menjalankan perniagaan secara borong atau runcit dengan masyarakat tempatan.

Berikutan wujudnya daerah Yunnan Muslim di Chiang Mai, komuniti Islam Yunnan berkembang pesat. Ada yang membawa isteri masing-masing dan berkahwin dengan wanita tempatan Thailand.

Menurut Dr Suchart yang berketurunan campuran

Cina Yunnan dan Thai, masyarakat Cina Muslim Yunnan membina sebuah masjid dinamakan Masjid Islam Ban Haw sebagai memenuhi keperluan mereka.

Masjid berkenaan dibuka pada 9 September 1917. Di kawasan kompleks masjid itu juga ada perpustakaan mini dan sekolah agama.

Bagi menampung pertambahan penduduk migran Yunnan di Chiang Mai, sebuah lagi penempatan Yunnan diwujudkan di daerah Sampakhoi yang mempunyai sebuah masjid sendiri.

Sebuah sekolah Islam dua tingkat turut dibina iaitu Sekolah Attaqwa yang diasaskan Yong Fu-Anand. Sekolah agama yang dibuka

pada 1973 menawarkan pendidikan bahasa Arab, pengajian Quran dan akhlak dan mempunyai lebih 100 pelajar.

Baru-baru ini, Masjid Islam Ban Haw mengadakan majlis sambutan ulang-tahun ke-100 penubuhannya. Pelbagai program diadakan termasuk forum, ceramah dan persembahan nasyid kanak-kanak.

Majlis sambutan turut dihadiri masyarakat bukan Islam tempatan serta pelancong Cina Muslim dari Taiwan, Myanmar, Malaysia serta China dari Yunnan, Beijing, Shenzhen, Yiwu.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di Universiti Putra Malaysia (UPM)